

Selangor akan hadapi satu lagi fenomena air pasang besar

SHAH ALAM 11 Okt. - Selepas berjaya mengawal banjir kilat kesan kejadian air pasang besar selama lima hari yang berakhir semalam, Selangor sekali lagi akan menghadapi fenomena serupa bulan depan.

Bagaimanapun, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berkata, air pasang besar yang akan datang dijangka tidak seteruk se-

10/06 Um
perti kejadian yang baru berakhir itu.

"Berdasarkan maklumat, air laut pada bulan depan dijangka naik lebih lima meter dari paras laut berbanding 6.2 meter iaitu paras tertinggi yang dicatatkan pada kejadian air pasang besar yang baru berlalu semalam.

"Bagaimanapun kita akan mengambil langkah berjaga-jaga untuk menghadapi kejadian yang tidak dijangka,"

kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di pejabatnya di sini petang ini.

Sementara itu, sumber Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor berkata, kejadian fenomena air pasang besar yang akan datang ini diketahui berdasarkan buku jadual air pasang surut yang dikeluarkan oleh cawangan hi-

drografi Tentera Laut Diraja Malaysia.

"Berdasarkan jadual tersebut memang dijangka akan berlaku air pasang setinggi 5.6 meter hingga 5.8 meter dari paras laut pada 5 dan 6 November.

"Pada 21 hingga 23 November ini iaitu ketika bulan penuh, air laut dijangka pasang setinggi antara 5 meter hingga 5.2 meter," ujarnya.